

PEMBERITAHUAN BAGI PROJEK RUMAWIP@SENTRAL PUTRAJAYA BERHARGA RM80,000

1. Semua permohonan hendaklah dilaksanakan secara online melalui portal RUMAWIP.
2. Permohonan secara manual tidak akan diterima.
3. Semua dokumen sokongan dan borang permohonan hendaklah dikemukakan secara serahan tangan kepada pihak PULSE Group untuk proses tapisan.
4. Sekiranya jumlah pemohon yang berjaya melebihi jumlah unit yang ditawarkan, pemohon akan dipanggil ke satu sesi cabutan undian giliran bagi menentukan keutamaan penawaran.
5. Melalui permohonan ini, Kementerian ini secara tidak langsung mendapat kebenaran pemohon untuk berkongsi maklumat dengan PULSE Group bagi tujuan pemprosesan tapisan dengan lebih berkesan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan melalui Portal RUMAWIP akan ditutup pada 16 April 2018 (Isnin) jam 5.00 petang. Permohonan tidak lagi diterima selepas daripada tarikh tutup tersebut.

Peringatan:

Projek RUMAWIP@Sentral kini sedang mengalami jumlah permohonan yang tinggi menyebabkan Portal berada dalam keadaan kurang stabil. Bagi mengelakkan kesulitan semasa permohonan, pemohon digalakkan untuk mengemukakan permohonan lebih awal dan mengelakkan permohonan di saat akhir. Kementerian tidak bertanggungjawab terhadap kegagalan mengemukakan permohonan yang berlaku sekiranya disebabkan oleh masalah sistem.

TARIKH TUTUP SERAHAN DOKUMEN SOKONGAN

Pemohon yang telah menyelesaikan permohonan melalui Portal RUMAWIP hendaklah mengemukakan dokumen sokongan secara serahan tangan tidak lewat daripada 30 April 2018 (Isnin) jam 5.00 petang kepada PULSE Group.

Kegagalan mengemukakan dokumen sokongan mengikut tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan permohonan dikategorikan sebagai "Tidak Berjaya"

SYARAT PERMOHONAN KHAS RUMAWIP PUTRAJAYA SENTRAL BAGI KOMPONEN 500 UNIT BERHARGA RM80,000 SEUNIT

1. Pemohon mestilah warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 18 tahun ketika permohonan dibuat;
2. Berpendapatan *isi rumah (bujang/suami & isteri) tidak lebih daripada RM3,000 sebulan;
* Pendapatan isi rumah merujuk kepada gaji kasar iaitu gaji pokok dan elaun yang diterima pemohon dan pasangan
3. Keutamaan kepada penjawat awam berjawatan tetap Gred 19 dan ke bawah serta pendapatan tidak melebihi RM3,000 sebulan;
* Pemohon daripada swasta boleh memohon tetapi keutamaan akan diberikan kepada Penjawat awam
4. Keutamaan permohonan diberikan kepada pemohon yang dilahirkan atau bekerja atau bermastautin di Wilayah Persekutuan semasa permohonan dibuat;
5. Sekatan penjualan (moratorium) selama 10 tahun ditetapkan;
6. Suami atau isteri boleh memohon tetapi hanya satu tawaran sahaja dibenarkan kepada setiap isi rumah;
7. Pemohon atau pasangan belum memiliki rumah di Wilayah Persekutuan;
8. Pemohon atau pasangan belum memiliki mana-mana kediaman dibawah program rumah mampu milik yang ditawarkan Kerajaan; dan
9. Pemohon hendaklah berdaftar melalui Portal RUMAWIP